

16/11/1997

Pertubuhan dakwah tangkis serangan luar

KOTA KINABALU: Semua badan dakwah dan pertubuhan Islam di negeri ini akan digerakkan secara bersepadu, dalam menyebarkan dakwah Islamiah serta menerangkan kepada rakyat di peringkat akar umbi mengenai krisis ekonomi dan serangan pihak asing terhadap kepemimpinan negara sekarang.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Bersepadu Gerakan Islamiah Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Sabah (Muis), Datuk Sapawi Ahmad ditubuhkan bagi menggerakkan usaha itu.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam, berkata langkah itu untuk memberi penjelasan kepada rakyat khususnya di kalangan umat Islam mengenai tindakan yang perlu dibuat bagi menangani masalah itu.

Menurutnya, lima pendekatan dirancang bagi memastikan keberkesanan matlamat itu meliputi seminar, kursus kecemerlangan masjid, kursus kepemimpinan wanita cemerlang, bengkel pengurusan dakwah serta kursus kepemimpinan umat yang akan dijalankan di seluruh negeri tidak lama lagi.

"Manakala program penerangan ketika khutbah Jumaat akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan negeri dan pusat," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelaras Jabatan Kemajuan Islam (Jakim), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) dan Muis di sini, kelmarin.

Turut hadir Yang Dipertua Muis, Datuk Sapawi Ahmad serta Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Datuk Jamdin Buyong.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, langkah itu sejajar dengan usaha Kerajaan Pusat untuk melancarkan satu gerakan rakyat bagi menggembelng tenaga segenap lapisan masyarakat dalam menyemarakkan pembangunan ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, usaha itu sekali gus membuktikan sokongan pertubuhan Islam dan badan dakwah di negeri ini terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menghadapi percubaan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat mendesak Perdana Menteri meletak jawatan.

Beliau berkata, sebelum ini badan dakwah dan pertubuhan Islam bergerak secara bersendirian yang memungkinkan timbul pertindihan dalam menjalankan gerakan dakwah di negeri ini.

"Oleh itu, melalui Jawatankuasa ini kita berharap tidak ada pertindihan dalam melaksanakan tugas dakwah supaya tidak timbul perselisihan faham di peringkat akar umbi.

"Semua pemimpin badan dakwah dan pertubuhan Islam di negeri ini sudah bersetuju supaya ada persepakatan gerakan Islam dalam memberi sokongan kepada pucuk pimpinan negara," katanya.

(END)